



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Pada tahun ke-10 kenabian Rasulullah SAW atau dikenali sebagai tahun 'kesedihan', terdapat dua peristiwa besar yang meninggalkan kesan dan kesedihan mendalam terhadap Baginda.

Pertama, kehilangan isteri tercintanya iaitu Khadijah binti Khuwalid. Khadijah adalah isteri yang sangat taat dan antara watak penting dalam meredakan pelbagai kesedihan serta kesusahan dialami Nabi SAW.

Peristiwa kedua adalah kematian bapa saudaranya, Abu Talib. Semasa hidup, beliau yang banyak melindungi Nabi SAW walaupun beliau tidak

beriman dengan dakwah dibawa baginda.

Kehilangan dua tonggak utama dalam tahun sama itu menyebabkan kesedihan dan rasa keterasingan berganda buat Nabi SAW.

Tambahan pula, kematian Khadijah dan Abu Talib menyebabkan baginda serta kaum Muslimin berada dalam keadaan terpencil tanpa sokongan politik.

Ketika berlakunya peristiwa itu, suku kaum Quraisy meningkatkan lagi boikot dan gangguan serta mengetatkan penguasaan mereka ke atas orang Islam.

Abu Lahab yang mengambil alih kepemimpinan Abu Talib sebagai pemimpin Bani Hashim menambah gangguan secara berterusan sehingga

bertindak membaling kotoran serta batu kepada Nabi SAW selain memanggil Nabi SAW sebagai pendusta dan mengingatkan masyarakat luar supaya tidak mengikuti Baginda.

Dugaan dan gangguan berlakū di Makkah ketika itu menyebabkan Nabi Muhammad SAW mencari sokongan luar Makkah.

Baginda bersama anak angkatnya, Zaid bin Harithah berjalan kaki menuju ke kota Taif terletak di tenggara dengan jarak 60 kilometer.

Baginda menyampaikan dakwah di setiap perkampungan yang dilewati namun tidak ada seorang pun menyambut dakwah baginda.

Rasulullah SAW tinggal di Taif selama 10 hari dan selama berada di sana, baginda bertemu dengan

ketua kabilah, malangnya tidak ada seorang pun menyahut seruannya, malah seruan baginda dijawab dengan 'keluarlah dari negeri kami.'

Ketika baginda ingin pulang ke Makkah, penduduk Taif serta anak mereka menghadang baginda serta Zaid dengan membuat dua barisan lalu melontarkan batu beserta cacian.

Batu yang dilemparkan itu mencederakan baginda sehingga kasutnya dilitupi darah. Mereka terus menyerang sehinggakan baginda dan Zaid bin Harithah berlindung di sebalik tembok milik Utbah dan Syaibah.

Baginda menghampiri sebuah pohon anggur lalu duduk berteduh di bawahnya. Pemilik ladang anggur itu melihat peristiwa yang berlaku

dan berasa kasihan terhadap baginda, lalu mereka menyuruh seorang hamba bernama Addas memberikan setangkai anggur kepada Baginda.

Selepas berehat dan cukup kuat, baginda dan Zaid pulang ke Makkah dengan perasaan sedih serta hati hancur lebur.

Ketika tiba di satu tempat, Allah SWT mengutuskan Jibril serta malaikat penjaga gunung untuk bertemu baginda.

Malaikat penjaga gunung itu datang memberi salam kepada baginda dan berkata "Wahai Muhammad! Hal itu terserah kepadamu, jika engkau menginginkan aku meratakan mereka dengan dua gunung, maka akan aku lakukan."

Baginda menjawab, "(Tidak) bahkan aku berharap kelak Allah SWT

melahirkan dari tulang rusuk mereka orang-orang yang menyembah Allah semata-mata dan tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu pun."

Begitu mulia hati Nabi SAW yang tidak membalas tindakan dilakukan orang Taif ke atasnya walaupun menyebabkan kesakitan.

Ini kerana kebanyakan mereka tidak memahami, malah kita sebagai Muslim juga tidak menyampaikan mesej Islam kepada mereka.

Justeru itu, kitalah bertanggungjawab berusaha menyampaikannya supaya Islam dapat difahami dengan lebih meluas.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Universiti Putra Malaysia.